

R GB 21-07 00157 BA870

bah

Seramik

PKNP KENAL PASTI PROJEK SERAMIK UNTUK BUMIPUTERA

TPOH, 21 Julai (Bernama) — Perbadanan Kemajuan Megeri Perak (PKNP) telah mengenal pasti beberapa projek seramik yang boleh disertai oleh pengusaha bumiputera selaras dengan dasar kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Ketua Eksekutif PKNP, Encik Harun Ahmad Saruji, berkata projek-projek itu membabitkan perlombongan dan pemprosesan tanah liat serta pembuatan barangan seramik.

"Perbadanan juga akan mewujudkan projek bimbingan kepada individu bumiputera yang mempunyai kemahiran profesional tertentu dalam bidang reka bentuk dan hiasan barangan seramik," katanya ketika memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melawat Taman Seramik di Chemor, 16 km dari sini hari ini.

Dr Mahathir tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari dan dijadualkan melancarkan program Kampungku peringkat negeri esok.

Beliau berkata bagi melaksanakan projek-projek itu, PKNP bersedia memberi kemudahan khidmat nasihat, pengurusan dan pentadbiran. -- Lagi.

▼21/07/19-20MST

R GB 21-07 00154 BA871

bah

Seramik 2 TpoH

Bagi memastikan kejayaan projek-projek i tu, katanya, kerajaan negeri melalui PKNP telah mewujudkan rangkaian persefahaman dan kerjasama dengan badan-badan berkanun, swasta dan institusi tempatan dan luar negeri.

Beliau yakin dengan persefahaman dan kerjasama itu, Perak mampu menjadi Pusat Industri Seramik Negara memandangkan wujudnya bahan-bahan mentah yang diperlukan seperti liat bebola dan kaolin.

Mengenai taman seluas 158.3 hektar itu, Harun berkata PKNP akan membangunkan sebuah Pusat Kemudahan Bersama bagi menyediakan pelbagai kemudahan seperti pusat khidmat dan bekalan gas.

Selain daripada itu ia juga menawarkan kemudahan latihan, pusat perniagaan dan ruang pameran.

Harun berkata pengurusan dan pentadbiran taman itu akan dikendalikan oleh sebuah syarikat usahasama yang akan ditubuhkan di antara PKNP dengan pihak swasta.

Katanya, fasa pertama projek seluas 158.3 hektar itu menyediakan 33 lot tapak perusahaan bagi industri besar dan sederhana serta 28 lot untuk pengusaha kecil. -- Lagi.

▼21/07/19-22MST

bah

Seramik 3 (Akhir) Ipoh

Setakat ini, 20 daripada lot-lot itu telah dijual dengan empat kilang telah beroperasi.

Katanya fasa kedua projek itu sedang dalam pembangunan dan kerajaan negeri berharap usaha membangunkan taman itu dapat menaikkan taraf industri seramik melalui penggunaan teknologi moden.

Harun berkata sebagai membantu industri seramik, kerajaan negeri melalui PKNP kini dalam peringkat pertama memulakan perusahaan melombong dan memproses tanah liat.

Usaha ini perlu diambil memandangkan kini pengusaha tempatan terpaksa membelanjakan RM400 juta bagi mengimport 700,000 tan tanah liat.

Menurut beliau berdasarkan perangkaan Persatuan Tembikar Perak, nilai eksport barangan seramik bagi tahun lepas berjumlah RM25 juta.

Perak mempunyai 83 pengusaha barangan seramik seperti pasu bunga, tempayan dan kelengkapan sanitari di samping 63 pengusaha bumiputera yang menghasilkan barangan tradisi seperti labu sayong dan buyung.

Pusat Kraftangan di Enggor, Kuala Kangsar pula memberikan latihan dalam bidang seramik sebagai usaha menyediakan tenaga pekerja mahir bagi industri itu, katanya.

Yang turut sama melawat taman itu ialah Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Lim Keng Yaik. -- Bernama

JO MUS NMO.

▼21/07/19-25MST